

BULI SIBER DALAM KALANGAN REMAJA

Arif Ibrahim dan Jamiah Manap

Perkembangan teknologi masa kini memudahkan kehidupan manusia untuk berkomunikasi di antara satu sama lain, berlakunya pertukaran aktiviti harian terutamanya bagi golongan remaja amnya dalam masa sama berupaya membentuk perkembangan personaliti seseorang individu itu. Akan tetapi, alat bantuan atau kecanggihan teknologi ini memberi kemudahan secara tersembunyi kepada belia. Kes buli siber semakin meningkat seiring dengan kepesatan teknologi komunikasi digital dan kelajuan pecutan kemudahan jalur lebar. Buli siber bukan satu kes yang kecil. Ia bersifat antarabangsa kerana liputan luas internet di seluruh dunia. Laporan SKMM (2014) mendapati, 70% daripada pelajar sekolah yang dikaji mengakui melakukan aktiviti buli siber atau pencabulan siber dengan memanggil individu lain dengan nama yang tidak sepatutnya dan memuat naik mesej atau gambar yang tidak sesuai menjadi tontonan umum terutamanya jika rangkaian itu boleh diakses oleh golongan kanak-kanak.

SENARIO BULI SIBER

Kes-kes buli siber di Malaysia sering diperkatakan di media sosial kini yang mana ia berlaku tanpa kita sedari bahawa ia memberi impak yang mendalam kepada kehidupan seseorang individu. Kes-kes bunuh diri daripada gangguan siber semakin berleluasa dan sukar dibendung. Berdasarkan laporan daripada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM), *The Star* melaporkan bahawa statistik menunjukkan sepanjang tempoh lima (5) tahun, dari tahun 2012 hingga 2017, terdapat sekurang-kurangnya 300 kes buli siber yang dilaporkan pada tahun 2012, 512 kes pada tahun 2013, 550 kes pula direkodkan bagi tahun 2014, 442 kes bagi tahun 2015 serta 529 kes bagi tahun 2016. Buli siber adalah paling ketara dalam kalangan pelajar sekolah melibatkan 250 kes dilaporkan pada tahun 2012, 389 kes bagi tahun 2013, 291 kes pada tahun 2014, 256 kes bagi tahun 2015 serta 338 kes dicatatkan pada tahun 2016.

Secara keseluruhannya, sebanyak 1,524 kes buli siber telah dilaporkan berlaku di negara ini dalam tempoh lima (5) tahun tersebut. Kajian menunjukkan bahawa buli siber antara bentuk gangguan yang paling kerap berlaku khususnya dalam kalangan remaja (Cankaya, 2010, Eksi, 2012 & Tpocu, *et al.*, 2010). Buli siber kini sudah berada di tahap skala global yang mana insiden ini berlaku di kebanyakan negara di dunia seperti Amerika Syarikat, Kanada, Jepun, Scandinavia, dan United Kingdom, termasuk juga Australia dan New Zealand (Accordino, *et al.*, 2011). Membezakan buli secara tradisional dan buli siber ialah, buli siber tiada sempadan fizikal. Buli yang berlaku di alam siber ini begitu mudah dilakukan tanpa diketahui siapa pelakunya. Tempoh penyebarannya kepada khalayak boleh berlaku dalam masa yang singkat serta begitu pantas serta tidak mampu dihapuskan dengan begitu mudah. Namun demikian, yang membimbangkan ialah ianya boleh meninggalkan kesan yang begitu mendalam kepada mangsa.

Selain itu juga, perubahan teknologi telah menggalakkan gaya tingkah laku negatif (e-pornografi, kecurian siber, ketagihan internet) yang mana mempercepatkan lagi penyebaran jenayah bentuk baharu (Li 2006). Kajian oleh *Global Youth Online Behavior Survey (Microsoft Survey)* pada Januari 2012 ke atas 7,600 kanak-kanak berusia lapan (8) hingga 17 tahun menunjukkan satu daripada tiga kanak-kanak di Malaysia adalah mangsa buli siber. Kajian tersebut juga menunjukkan tahap kesedaran ibu bapa di Malaysia terhadap buli siber adalah agak rendah yang mana hanya 38% responden bimbang dengan isu tersebut dan hanya 27% ibu bapa yang berbicara dengan anak-anak mereka tentang risiko komunikasi atas talian. Selain itu juga, hanya 13% ibu bapa bertanyakan anak mereka sama ada mereka pernah dibuli secara atas talian atau tidak (berbanding purata global sebanyak 30%). Sementara itu, laporan juga menunjukkan kebanyakan pembuli siber ini adalah kenalan rapat mangsa, sama ada rakan, bekas pasangan dan juga bekas rakan sekerja. Namun begitu, kanak-kanak di Malaysia telah menghabiskan masa secara purata selama 19 jam seminggu di internet. Kajian yang sama juga mendapati sembilan daripada sepuluh kanak-kanak di Malaysia pernah terdedah kepada pengalaman negatif menerusi penggunaan media sosial dalam talian (Utusan Malaysia, 20/10/2011).